

U B559 DEB

MAHATHIR - PBS

KUALA LUMPUR, 30 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BAHAWA BELIAU TIDAK TAHU MENAHU MENGENAI CADANGAN BALAS PARTI BERSATU SABAH (PBS) BERHUBUNG DENGAN FORMULA BAGI MENYELESAIKAN KRISIS POLITIK DI SABAH.

APABILA DITANYA OLEH PARA PEMBERITA MENGENAI PERKARA ITU SEBAIK SAHAJA BELIAU KELUAR DARI DEWAN RISDA DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: + SAYA TIDAK TAHU MENGENAI CADANGAN BALAS+.

BELIAU YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL ENGGAN MENGULAS LEBIH LANJUT MENGENAI PERKARA ITU SERTA TIDAK MAHU MENJAWAB SOALAN-SOALAN LAIN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PARA PEMBERITA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DALAM LAWATAN SEHARI KE NEGERI SELANGOR MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP SELAMA KIRA-KIRA DUA JAM DENGAN ANGGOTA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI DI DEWAN ITU.

MENURUT LAPORAN DALAM AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN BAHAWA PBS DIJANGKA MENGEMUKAKAN SATU CADANGAN BALAS KEPADA FORMULA YANG DICADANGKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR SEMASA BELIAU MELAWAT SABAH PADA HARI ISNIN. -- LAGI.

1612MST 30 03 86

D430

U B572 DEB

MAHATHIR - PBS 2 KUALA LUMPUR

LAPORAN ITU JUGA MENYEBUT BAHAWA PRESIDEN PBS DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN YANG JUGA KETUA MENTERI AKAN MENGETUAI ROMBONGAN PARTI MENEMUI PERDANA MENTERI MINGGU DEPAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ANGGOTA PERHUBUNGAN UMNO SELANGOR SELEPAS ITU MENUNAIKAN FADZU ZOHOR SERTA MAKAN TENGAH HARI BERSAMA 2,000 ORANG DI MASJID AL-UBUDIAH DI TAMAN TASIK TAMBAHAN, AMPANG DEKAT SINI.

DATIN PADUKA DATUK SERI DR SITI HASMAH YANG MEMPUNYAI ATURCARA BERASINGAN TURUT MENGHADIRI MAJLIS ITU.

PADA SEBELAH PETANGNYA, PERDANA MENTERI MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP SECARA BERASINGAN DENGAN PARA ANGGOTA JAWATANKUASA BARISAN NASIONAL NEGERI SELANGOR DAN JAWATANKUASA BAHAGIAN UMNO NEGERI. KEDUA-DUA PERJUMPAAN ITU DIADAKAN DI DEWAN RISDA. -- BERNAMA.

1643MST 30 03 86